



11 JUL, 2024

60 kg syabu bernilai RM1.9j dirampas

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam lumpuhkan sindiket edar dadah melalui penghantaran kargo udara

60 kg syabu bernilai RM1.9j dirampas

Oleh CHERINE JON

KUCHING – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak melumpuhkan sindiket pengedaran dadah terbesar selepas merampas lebih 60 kilogram (kg) syabu yang diseludup menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Pengarahnya, Norizan Yahya berkata, rampasan bernilai lebih RM1.9 juta itu dibuat kira-kira pukul 3.50 petang pada 4 Julai lalu, hasil penahanan ke atas dua lelaki tempatan di pekarangan sebuah syarikat kargo.

"Pemeriksaan lanjut menemui 10 kotak bersaiz besar dalam sebuah lori yang mengandungi 60 pekot bercetak 'Guan Yi Wang' berisi ketulan kristal disyaki syabu atau Methamphetamine.

"Kesemua pekot berkenaan mempunyai berat kasar 60,670 gram dengan nilai dianggarkan sejumlah RM1,907,600," katanya di sini semalam.



NORIZAN (tiga dari kanan) bersama-sama pegawai JKDM Sarawak menunjukkan rampasan syabu pada sidang akhbar di ibu pejabat JKDM Sarawak, Kuching semalam.

Beliau berkata, kedua-dua suspek berusia dalam lingkungan 20-an direman selama empat hari

bermula 7 Julai lalu dan perintah lanjutan reman akan dipohon berdasarkan keperluan bagi siasatan

lanjut di bawah Seksyen 31B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952. Dalam pada itu, Norizan

berkata, siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengenal pasti rangkaian sindiket terbabit.

Jelasnya, modus operandi sindiket adalah menggunakan perkhidmatan penghantaran kargo udara antara wilayah dari Kuala Lumpur ke Kuching dengan membuat pengiktirafan tidak benar pada Borang Kastam No.3 iaitu menyembunyikan bahan narkotik bersama barangan keperluan rumah.

Norizan berkata, dadah itu dipercayai diperolehi dari negara lain sebelum dibawa ke Semenanjung seterusnya diterbangkan ke Sarawak menerusi KLIA sebelum diseludup ke negara jiran.

Norizan berkata, rampasan itu juga adalah yang terbesar di Sarawak setakat tahun ini, mengatasi kes tangkapan pada Jun lalu di Miri iaitu Ketamin seberat 49 kilogram.

Kes disiasat di bawah Seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.



11 JUL, 2024

60 kg syabu bernilai RM1.9j dirampas

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kastam lumpuhkan sindiket edar dadah melalui penghantaran kargo udara

Oleh CHERINE JON

KUCHING - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak melumpuhkan sindiket pengedaran dadah terbesar selepas merampas lebih 60 kilogram (kg) syabu yang diseludup menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Pengarahnya, Norizan Yahya berkata, rampasan bernilai lebih RM1.9 juta itu dibuat kira-kira pukul 3.50 petang pada 4 Julai lalu, hasil penahanan ke atas dua lelaki tempatan di pekarangan sebuah syarikat kargo.